



Please cite this article as: Omar, M., Muhammad, Z., Muhammad, A., Muhammad, A., Muhammad, S. A. M., & Muhammad, S. N. (2025). Model Pengurusan Perawatan Ruqyah Dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia: Ruqyah Care Management Model in National Occupational Skills Standard (NOSS) Malaysian Skills Certificate (SKM) Level 3 Department of Skills Development Malaysia. *Jurnal Evolusi*, 6(2), 108–134. <https://doi.org/10.61688/jev.v6i2.482>

MODEL PENGURUSAN PERAWATAN RUQYAH DALAM STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)/NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD (NOSS) SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 3 JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN MALAYSIA

Muhammad Omar¹, Zharfan Bin Muhammad², Amirrah Binti Muhammad³, Amiruddin Bin Muhammad⁴, Siti Aisyah Munirah Binti Muhammad⁵, Siti Nur' Izzah Binti Muhammad⁶

^{1,6} Faculty of Business & Accountancy, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM), Malaysia

² Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

³ University of Cyberjaya, Malaysia

^{4,5} Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Corresponding author: muhammadomar@uptm.edu.my.

Received 1 October 2025, Accepted 1 November 2025, Available online 30 November 2025

ABSTRAK

Bidang Perawatan Ruqyah merupakan salah satu cabang dalam Amalan Pengubatan Islam yang semakin mendapat perhatian di Malaysia, sama ada di peringkat individu, organisasi mahupun pentadbiran kerajaan. Perkembangan ini selari dengan peranan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertanggungjawab mengawasi dan memantau pengamal perubatan tradisional dan komplementari, termasuk pengubatan Islam. Penguatkuasaan Peraturan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2021 di bawah Akta 775 menandakan komitmen kerajaan dalam memastikan pematuhan undang-undang, peningkatan profesionalisme, penyediaan perkhidmatan berkualiti, serta jaminan keselamatan pesakit. Nilai tambah utama bidang Perawatan Ruqyah terselrah apabila ia diluluskan sebagai Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK/NOSS) pada tahun 2017, sekali gus diiktiraf sebagai dokumen rasmi kerajaan. NOSS Bidang Perawatan Ruqyah yang didaftarkan bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia merangkumi tiga tahap pensijilan, iaitu Tahap 3 (SKM), Tahap 4 (DKM) dan Tahap 5 (DLKM). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis, menerima pakai dan mempromosikan penggunaan model kaedah perawatan dalam bidang Perawatan Ruqyah kepada masyarakat umum di Malaysia. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan kajian kepustakaan melalui analisis dokumen NOSS JPK serta rujukan amalan pengamal Perawatan Ruqyah Darussyifa'. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga Unit Kompetensi (CoCU) Tahap 3 telah mengaplikasikan kaedah perawatan Ruqyah yang merangkumi Ruqyah, Tiup, Tepuk, Minum dan Mandi, yang dirumuskan sebagai kaedah RTTMM. Kaedah ini berfungsi sebagai pendekatan perawatan yang sistematik dan berstruktur dalam memperkukuh amalan Perawatan Ruqyah di Malaysia.

Keywords: *Perawatan Ruqyah, Method RTTMM, Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan*

Copyright: © 2025 The Author(s)

Published by Universiti Poly-Tech Malaysia.

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license.: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>


ABSTRACT

Ruqyah Therapy is one of the branches of Islamic medical practice that has gained increasing attention in Malaysia at the individual, organizational, and governmental levels. This development aligns with the role of the Traditional and Complementary Medicine Division (T&CM) under the Ministry of Health Malaysia, which is responsible for regulating and monitoring recognized traditional and complementary medical practices, including Islamic medicine. The enforcement of the Traditional and Complementary Medicine Regulations 2021 under Act 775 reflects the government's commitment to ensuring legal compliance, enhancing professional standards, delivering quality services, and safeguarding patient safety. A significant value-added milestone for Ruqyah Therapy was achieved when it was officially approved as a National Occupational Skills Standard (NOSS) in 2017, thereby recognizing it as a formal government-endorsed competency framework. The NOSS for Ruqyah Therapy, registered under the Department of Skills Development Malaysia, comprises three certification levels: Level 3 (Malaysian Skills Certificate), Level 4 (Malaysian Skills Diploma), and Level 5 (Advanced Malaysian Skills Diploma). This study aims to analyze, adopt, and promote the application of a structured therapeutic method model in Ruqyah Therapy for the general public in Malaysia. A qualitative and library-based research approach was employed through systematic analysis of official NOSS documents and reference materials from established Ruqyah practitioners of Darussyifa'. The findings reveal that all three Level 3 Competency Units have adopted a standardized Ruqyah treatment method consisting of Ruqyah recitation, Blowing, Tapping, Drinking, and Bathing, collectively formulated under the RTTMM method. This model provides a systematic and structured therapeutic framework that strengthens the professional practice of Ruqyah Therapy within Malaysia's Islamic medical landscape.

Keywords: *Ruqyah Therapy, RTTMM Method, National Occupational Skills Standard*

1. PENGENALAN

Pengubatan Islam dapat ditakrifkan sebagai satu usaha dan ikhtiar yang bertujuan mencari kesembuhan bagi penyakit atau penyelesaian kepada pelbagai masalah manusia dengan merujuk kepada sumber utama agama Islam, iaitu ayat-ayat al-Quran, Sunnah Nabi Muhammad SAW, dan ijtihad para ulama muktabar. Definisi ini, seperti yang dinyatakan oleh Dato' Dr. Haron Din, menunjukkan bahawa pengubatan Islam tidak hanya terhad kepada aspek rohani tetapi turut melibatkan usaha fizikal dan saintifik, selagi ia selaras dengan syariat. Dalam kitab-kitab hadis yang muktabar, terdapat satu bab khusus yang dikenali sebagai al-Tibb al-Nabawi atau "Perubatan Nabi". Bab ini merujuk kepada kumpulan hadis-hadis yang berkaitan dengan prinsip-prinsip rawatan penyakit dan penjagaan kesihatan yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW. Prinsip ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang menyeluruh, meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuk kesihatan fizikal dan mental. Ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW tidak hanya berfokus pada aspek hukum-hakam agama seperti akidah, syariah, dan akhlak, tetapi juga mencakupi aspek-aspek yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan manusia. Ini termasuk panduan untuk pengubatan dan rawatan penyakit, sama ada yang bersifat rohani mahupun jasmani. Hal ini menggambarkan pendekatan holistik Islam terhadap kesejahteraan manusia, yang melihat kesihatan sebagai elemen penting dalam mencapai kehidupan yang seimbang dan harmoni. Menurut Hamka(1979), aspek kesihatan rohani dan jasmani dipertimbangkan secara seimbang sesuai dengan kalimah *ummatan*

wasaton  seperti dihuraikan dalam surah Al-Baqorah ayat 143 yang bermaksud "Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman) Artikel ini merupakan artikel amalan profesional yang bertujuan mendokumentasikan dan menghuraikan kaedah perawatan Ruqyah berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK/NOSS) sebagai rujukan pengamal, institusi latihan dan pihak berkepentingan.

Dengan panduan al-Quran dan Sunnah, pengobatan Islam memberikan alternatif yang bersepadu, di mana rawatan penyakit tidak hanya tertumpu kepada dimensi fizikal, tetapi juga mengambil kira aspek spiritual sebagai komponen penting dalam proses penyembuhan. Pendekatan ini menekankan bahawa setiap ikhtiar manusia untuk mendapatkan kesembuhan mesti disandarkan kepada keyakinan kepada Allah SWT sebagai sumber penyembuh yang mutlak. Dalam Islam, penting bagi seorang pesakit dirawat secara menyeluruh yang meliputi aspek fizikal, emosi, dan rohani. Pembinaan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) ini merupakan manifestasi dari firman Allah SWT dalam al-Quran. Terdapat enam ayat dalam al-Quran yang secara khusus menyentuh tentang unsur-unsur syifa'.

Sandaran dan dalil bagi pendekatan rawatan ini termasuk firman Allah SWT yang bermaksud:

- a. Wahai manusia, Sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman. **(Surah Yunus: 57)**
- b. Kemudian makanlah dari tiap-tiap (macam) buah-buahan dan tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu). Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang-orang yang memikirkan. **(Surah an Nahl: 69)**
- c. Dan Kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian. **(Surah al-Isra': 82)**
- d. Dan apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan aku. **(Surah al-Syu'ara': 80)**
- e. Dan jikalau Kami jadikan al-Quran itu suatu bacaan dalam bahasa selain Arab, tentulah mereka mengatakan: "Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya?" Apakah (patut al-Quran) dalam bahasa asing sedang (Rasul adalah orang) Arab? Katakanlah: "Al-Quran itu adalah petunjuk dan penawar bagi orang-orang mukmin.
- f. Dan orang-orang yang tidak beriman pada telinga mereka ada sumbatan, sedang al-Quran itu suatu kegelapan bagi mereka. Mereka itu adalah (seperti) yang dipanggil dari tempat yang jauh". **(Surah Fussilat: 44).**
- g. Dan (Allah) akan melegakan hati orang-orang yang beriman **(al-Taubah : 14)**

Manakala, di antara Sabda Nabi Muhammad saw yang berkaitan dengan perawatan Islam adalah seperti berikut: -

- a. "Hendaklah kamu menggunakan dua penawar : madu dan al-Quran." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah di dalam Sunan Ibn Majah, Kitab al-Tibb, Bab : Madu)
- b. "Sebaik-baik penawar itu adalah al-Quran." (Diriwayatkan oleh Ibnu Majah di dalam Sunan Ibn Majah, Kitab al-Tibb, Bab: al-Istishfa' bi Al-Quran)
- c. "Bagaimana kamu dapat mengetahui bahawa al-Fatihah adalah penawar kepada penyakit?" (Diriwayatkan oleh Muslim di dalam Sahih Muslim, Kitab al-Salam, Bab : Jawaz 'akhdh al-'Ujrah 'ala al-Ruqyah bi al-Quran wa al-Adhkar)
- d. "Barangsiapa mendatangi dukun atau tukang sihir lalu mempercayai apa yang dikatakannya; maka dia telah kufur terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW." (Diriwayatkan oleh al-Bayhaqi di dalam al-Sunan al-Kubra dan al-Hakim di dalam al-Mustadrak)
- e. "Barangsiapa yang pergi kepada tukang tilik/ahli nujum/dukun lalu bertanya kepadanya mengenai sesuatu perkara maka solatnya tidak diterima untuk 40 hari" (Diriwayatkan oleh Muslim di dalam Sahih Muslim, Kitab al-Salam, Bab : Tahrim al-Kahanah wa Ityan al-Kahhan).

Secara prinsipnya para ulama telah membahagikan rawatan secara ruqyah ini kepada dua bahagian iaitu :-

- a. *Ruqyah syar'iyah* yang merangkumkan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang muktabar serta menepati hukum syarak; dan
- b. *Ruqyah syirkiyyah* yang melibatkan pembacaan doa-doa yang tidak dapat difahami maknanya atau meragukan ataupun doa-doa yang secara jelasnya ditujukan kepada selain Allah SWT, seperti kepada jin, syaitan dan makhluk halus. Di dalam hal ini para ulama telah bersepakat kata tanpa khilaf bahawa mendapatkan rawatan melalui *ruqyah syirkiyyah* ini adalah haram dan tidak dibolehkan di dalam apa jua keadaan.

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan Malaysia (SKPKM) (*National Occupational Skills Standard, NOSS*) merupakan dokumen yang terperinci berbagai keterampilan yang diperlukan untuk berbagai pekerjaan di Malaysia. Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) merupakan agensi kerajaan yang penting

yang membangunkan semua jenis NOSS. NOSS menyediakan panduan komprehensif yang menyeluruh bagi tujuan Latihan dan penilaian keterampilan di berbagai industri, termasuk bidang kesihatan tradisional dan komplementari seperti bidang perawatan ruqyah. Sejarah permulaan pembinaan pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan Malaysia (*National Occupational Skills Standard, NOSS*) bidang Perawatan Ruqyah telah bermula pada November 2017 apabila JPK telah menerima dan meluluskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan Malaysia (*National Occupational Skills Standard, NOSS*) Bidang Perawatan Ruqyah untuk 3 tahap peringkat kemahiran yang berikut:

Jadual 1:

Bilangan Jenis Penyakit dalam Tiga (3) Tahap Kemahiran Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau National Occupational Skills Standard (NOSS) bidang Perawatan Ruqyah Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia.

National Occupational Skills Standard (NOSS) Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Bidang Perawatan Ruqyah	
Tahap Kemahiran	Kod Bidang
TAHAP 5: Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) <i>Malaysia Skills Advance Diploma</i>	(Q869-004-05:2017)005857 31 Jenis Penyakit
TAHAP 4: Diploma Kemahiran Malaysia <i>Malaysia Skills Diploma</i>	(Q869-004-4:2017) D069018 36 Jenis Penyakit
TAHAP 3: Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) <i>Malaysia Skills Certificate</i>	(Q869-004-3:2017) B072117 37 Jenis Penyakit
Jumlah Jenis Penyakit	104 Jenis Penyakit

Sumber: NOSS Bidang Perawatan Ruqyah JPK.

Apa yang paling peting dan menarik, negara kita Malaysia amat mengambil berat semua bentuk amalan pengubatan Islam bagi tujuan mengawal kesucian agama Islam sebagai agama rasmi. Justeru sebelum mendapat kelulusan untuk membina standard Pekerjaan Kemahiran Malaysia (*National Occupational Skills Standard, NOSS*) terlebih dahulu perlu dibentang dan telah diluluskan di Mesyuarat Jawatan kuasa Teknikal Bersama Bahagian Pengubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) Kementerian Kesihatan Malaysia Jalan Cenderasi Kuala Lumpur pada tahun 2016. Pada tahun yang sama Akta 775 iaitu Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari juga telah mula diperkenalkan di Malaysia dengan objektif utama ialah untuk meningkatkan profesionalisme dan kualiti perkhidmatan bidang Perawatan Ruqyah di Malaysia. "Ilmu Pengubatan Islam adalah salah satu ikhtiar atau usaha untuk menyembuhkan penyakit dengan menggunakan cara khusus yang berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah serta ijtihad As-Salafussoleh (ulamak muktabar terdahulu), berdasarkan hukum syarak oleh orang yang mahir dengan kaedah rawatan yang dilakukan semata-mata kerana Allah S.W.T." Maksud ikhtiar ialah usaha untuk mencari dan membantu merawat pelbagai jenis penyakit yang dihadapi sama ada berbentuk rohani, jasmani, mental dan juga spiritual.

Ruqyah adalah metode penyembuhan dalam Islam yang menggunakan bacaan ayat-ayat Al-Qur'an dan doa-doa tertentu untuk mengubati berbagai penyakit fisik dan spiritual. Di Malaysia, praktik ruqyah semakin mendapatkan perhatian, baik sebagai bentuk perawatan kesehatan tradisional maupun sebagai upaya menjaga kesejahteraan spiritual masyarakat. Dalam rangka untuk memastikan kualitas, profesionalisme, dan standar praktik ruqyah yang konsisten, *National Occupational Skills Standard (NOSS)* telah mengembangkan model perawatan ruqyah yang komprehensif.

1.1 Rasional Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)

SKPK ini sangat penting dibangunkan berdasarkan pertimbangan dan justifikasi berikut:

- Melaksanakan tuntutan fardhu kifayah dalam masyarakat.
- Menyelamatkan akidah masyarakat Islam daripada terlibat dengan rawatan-rawatan yang berunsurkan syirik dan khurafat serta mendekatkan makhluk kepada Pencipta (Khaliq).
- Membantu kesembuhan penyakit serta permasalahan emosi atau rohani yang sedang dihadapi.

- d. Melahirkan perawat-perawat pengubatan Islam yang berpengetahuan dan kompeten di tahap 3 dalam memberi khidmat rawatan yang terbaik kepada masyarakat demi kesejahteraan dan kebahagiaan makhluk sejagat.
- e. Mendapatkan persijilan kebangsaan bidang amalan Pengubatan Islam dan pengiktirafan kerajaan Malaysia selaras dengan Akta 652 (JPK, KSM) dan memenuhi keperluan Akta 775 (TCM, KKM).
- f. Meningkatkan bilangan jumlah perawat tahap 3 (Perawat Ruqyah) sedia ada bagi memenuhi permintaan rawatan komplementari yang meningkat setiap masa.
- g. Membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) didalam melahirkan masyarakat dan warga yang sihat sejahtera.

1.2 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah

Pengamal pengubatan Islam diwajibkan berdaftar dengan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Akta 775. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775] merupakan suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis PT&K bagi mengawal selia perkhidmatan PT&K di Malaysia dan bagi mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau yang lebih dikenali sebagai *National Occupational Skills Standard (NOSS)* dalam bidang Perawatan Ruqyah buat pertama kalinya digunapakai sebagai rujukan awam pada 25 Oktober 2018 iaitu calon yang pertama memohon bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia Bidang Perawatan Ruqyah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK). JPK telah mengadakan bengkel Pembangunan NOSS bidan Perawatan Ruqyah Fasa pertama pada tarikh 12-16 Ogos 2017 bersama 14 orang Panel Industri. Terdahulu daripada itu, perbincangan bersama wakil industry bidang perawatan ruqyah dan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari atau Traditional Complementary Medicine (TCM), Kementerian Kesihatan Malaysia turut diadakan pada tarikh 8 Jun 2017 di Pejabat BPTK, KKM di Jalan Cendrasari Kuala Lumpur bagi tujuan mendapatkan izin tiada halangan bagi meneruskan pembangunan NOSS Bidang Perawatan Ruqyah bersama JPK KSM ini. Tidak lama selepas itu, Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan Bil.4/2017 pada tarikh 27 November 2017 yang dipengerusikan oleh KSU KSM telah meluluskan Pendaftaran Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagai dokumen rasmi kerajaan.

Kajian ini menyumbang secara signifikan kepada bidang pengubatan Islam dengan mengkonseptualisasikan Perawatan Ruqyah sebagai amalan profesional berstandard melalui kerangka Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK/NOSS) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Berbeza daripada kajian terdahulu yang lebih menumpukan aspek teologi atau pengalaman spiritual, kajian ini merumuskan model perawatan RTTMM (Ruqyah, Tiup, Tepuk, Minum dan Mandi) sebagai aliran rawatan berstruktur dan seragam yang diekstrak secara sistematik daripada dokumen rasmi NOSS Tahap 3 Sijil Kemahiran Malaysia. Model ini menyediakan urutan rawatan yang konsisten, boleh diaudit dan selamat, sekali gus meningkatkan akauntabiliti pengamal, kualiti perkhidmatan dan perlindungan pesakit. Dari sudut metodologi, kajian ini menunjukkan potensi analisis kualitatif berasaskan dokumen standard kemahiran dalam membina model amalan perubatan tradisional dan komplementari. Selain itu, dapatan kajian ini mempunyai implikasi dasar yang jelas dalam menyokong pelaksanaan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) serta usaha penyeragaman, latihan dan pensijilan pengamal Perawatan Ruqyah di Malaysia tanpa menjejaskan prinsip syariah dan integriti amalan Islam.

1.3 Skop Perbincangan

Skop perbincangan analisis kaedah method bidang perawatan ruqyah khusus hanya tertumpu kepada tiga (3) bahagian Kurikulum Unit Kompetensi (core of competency unit, CoCU) yang telah dipilih mengikut kesesuaian penulis bagi tujuan perkongsian berpandukan NOSS Bidang Perawatan Ruqyah SKM 3 seperti berikut:

Perawatan Penyakit Fizikal Lazim (Q869-004-3:2017- C01) Tahap 3

Perawatan Penyakit Fizikal dan Spiritual Individu di Luar NOSS (Q869-004-3:2017-C02) Tahap 3

Perawatan Sihir Lazim NOSS (Q869-004-3:2017-C03) Tahap 3.

1.4 Pernyataan Masalah Model Perawatan Ruqyah Mengikut NOSS JPK Malaysia

Model perawatan ruqyah adalah salah satu pendekatan pengubatan Islam yang semakin mendapat perhatian di Malaysia. Namun, untuk memastikan amalan ini dilakukan secara meluas, berkesan, dan sesuai dengan ajaran Islam, perlu adanya standard/piawaian dan penyeragaman amalan yang memenuhi keperluan asas dan patuh syariah. Standard Pekerjaan Kemahiran Malaysia (NOSS) yang dikembangkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia bertujuan untuk menyediakan kerangka kerja bagi pengamal ruqyah dalam melaksanakan tugas mereka dengan profesionalisme dan etika yang tinggi yang menjaga kesucian agama islam dan menjaga kepentingan dan hak-hak privesi dan keselamatan semua pihak.

1.5 Faktor Motivasi Menerima Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah di Kalangan Pengamal Perubatan

Secara keseluruhannya, bidang perawatan ruqyah dan amalan Pengubatan Islam secara automatik telah diselia dan di bawah pemantauan yang tertakluk dalam bidang kuasa undang-undang sedia ada di Malaysia seperti berikut:

- Akta 652: Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (2006) Sijil Kemahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia;
- Akta 775: Akta Perubatan Tradisional & Komplementari (2016);
- Agensi Regulatori Farmasi Negara: Penggunaan herba;
- Akta 737: Akta Peranti Perubatan (2012);
- Pihak Berkuasa Tempatan: Undang-Undang berkaitan dgn kelulusan premis dan operasi premis;
- Akta 514: Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (1994);
- Akta 574: Penal Code/Kanun Keseksaan Malaysia; dan
- Undang-Undang Tort. Sebuah undang-undang sivil yang memberi penekanan kepada tuntutan ganti rugi/pengagihan kerugian. Tidak terhad kepada manusia tetapi turut melibatkan binatang, premis, harta benda, perubatan dan sebagainya. Contoh adalah tort kecuiaan, tort tanggungan, tort berniat, tort fitnah.
- Pejabat Agama Negeri melalui mekanisma Saringan i-syifa bagi setiap negeri.

2. Kurikulum Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)

Kurikulum Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Untuk Bidang Perawatan Ruqyah: Sijil Kemahiran Malaysia (SKM3) Tahap 3 dapat dijelaskan melalui Jadual 6.1 sehingga 6.3 di bawah.

Jadual: 6.1

Kurikulum Unit Kompetensi (CoCU): Perawatan Penyakit Fizikal Lazim

Seksyen	(Q) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial
Kumpulan	(869) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain
Bidang	Perawatan Ruqyah
Tajuk Skpk	Perawatan Ruqyah
Tajuk Unit Kompetensi	Perawatan Penyakit Fizikal Lazim
Hasil Pembelajaran	Hasil daripada CU ini akan melahirkan individu yang boleh meruqyah penyakit fizikal lazim dengan kaedah rawatan yang tepat dan disahkan. Selepas menyempurnakan Unit Kompetensi ini pelatih akan boleh:-

	1. Ruqyah Penyakit Batu Karang 2. Ruqyah Penyakit Kencing Manis 3. Ruqyah Penyakit Darah Tinggi 4. Ruqyah Penyakit Sakit Kepala 5. Ruqyah Penyakit Sendi 6. Ruqyah Penyakit Sakit Perut 7. Ruqyah Penyakit Demam Panas 8. Ruqyah Penyakit Mata		
Pra-Syarat (Jika Ada)	TIADA		
Unit Kompetensi Id	Q869-004-3:2017- C01	TAHAP SKPK	3

Jadual: 6.1.1

Penyeragaman Amalan Perawatan Ruqyah di Malaysia: Satu Analisis Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/KESELAMATAN/ALAM SEKITAR	KRITERIA PENILAIAN	PEMERHATAN ANALISA KAEDAH
1. Ruqyah Penyakit Batu Karang	1.1 Kaedah merekod dan format rekod 1.2 Ayat-ayat ruqyah penyakit batu karang: - Al-Fatihah - Ayat Pemecah Kebuntu an - Ayat Pemecah - Selawat Syifa' 1.3 Kaedah bacaan ruqyah: - Menepati hukum tajwid - Letak tangan - Tepuk dengan tapak tangan	1.1 Rekod riwayat pesakit 1.2 Baca ruqyah penyakit batu karang pada pesakit mengikut kaedah rawatan 1.3 Baca ruqyah penyakit batu karang pada bahan 1.4 Terang kaedah penggunaan bahan 1.5 Beri nasihat kepada pesakit dan keluarga	<u>SIKAP</u> - Teliti dalam menulis borang - Tenang dalam meruqyah - Yakin pada Allah - Fokus pada rawatan - Jelas dalam bacaan - Amanah dalam tugas - Menjaga kerahsiaan pesakit - Empati dalam menasihati - Ringkas dan tepat dalam penerangan - Patuh pada etika perawatan <u>KESELAMATAN</u> - Tidak mencederakan pesakit <u>ALAM SEKITAR</u>	1.1 Riwayat pesakit batu karang direkodkan 1.2 Ruqyah penyakit batu karang pada pesakit mengikut kaedah rawatan dibacakan 1.3 Ruqyah penyakit batu karang pada bahan dibacakan 1.4 Kaedah penggunaan bahan diterangkan 1.5 Nasihat kepada pesakit dan keluarga diberikan	- Bacaan Ruqyah - Letak tangan - Tepuk - Minum - Mandi

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/KESELAMATAN/ALAM SEKITAR	KRITERIA PENILAIAN	PEMERHATAN ANALISA KAEDAH
	- Sapu dengan tapak tangan 1.4 Jenis dan penggunaan bahan-bahan rawatan 1.5 Teknik menasihati: - Yakin - Tidak berputus asa - Tawakkal - Jaga pemakanan		Elak pencemaran persekitaran		
2. Ruqyah Penyakit Kencing Manis	2.1 Kaedah merekod dan format rekod 2.2 Ayat-ayat ruqyah pada pesakit dan bahan: - Al-Fatihah - Doa menghilangkan kesusahan - Doa 'Ilaj Illahi 2.3 Kaedah bacaan ruqyah: - Menepati hukum tajwid - Letak tangan - Sapu dengan tapak tangan 2.4 Jenis dan penggunaan bahan-bahan rawatan	2.1 Rekod riwayat pesakit 2.2 Baca ruqyah penyakit kencing manis pada pesakit mengikut kaedah rawatan 2.3 Baca ruqyah penyakit kencing manis pada bahan 2.4 Terang kaedah penggunaan bahan 2.5 Beri nasihat kepada pesakit dan keluarganya	<u>SIKAP</u> - Teliti dalam menulis borang - Tenang dalam meruqyah - Yakin pada Allah - Fokus pada rawatan - Jelas dalam bacaan - Amanah dalam tugas - Menjaga kerahsiaan pesakit - Empati dalam menasihati - Ringkas dan tepat dalam penerangan - Patuh pada etika perawatan <u>KESELAMATAN</u> - Tidak mencederakan pesakit <u>ALAM SEKITAR</u> - Elak pencemaran persekitaran	2.1 Riwayat pesakit kencing manis direkodkan 2.2 Ruqyah penyakit kencing manis pada pesakit mengikut kaedah rawatan dibacakan 2.3 Ruqyah penyakit kencing manis pada bahan dibacakan 2.4 Kaedah penggunaan bahan diterangkan 2.5 Nasihat kepada pesakit dan keluarga diberikan	- Bacaan Ruqyah - Letak tangan - Tepuk - Minum - Mandi

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/KESELAMATAN/ALAM SEKITAR	KRITERIA PENILAIAN	PEMERHATAN ANALISA KAEDAH
	2.5 Teknik menasihati: • Yakin • Tidak berputus asa • Tawakkal • Jaga pemakanan				
3. Ruqyah Penyakit Darah Tinggi	3.1 Kaedah merekod dan format rekod 3.2 Ayat-ayat ruqyah pada pesakit dan bahan: • Al-Fatihah • Ayat Pemecah Kebuntuan • Doa Penyejuk • Selawat Syifa' • Doa Rawatan Demam Panas 3.3 Kaedah bacaan ruqyah: • Menepati hukum tajwid • Letak tangan • Sapu dengan tapak tangan 3.4 Jenis dan penggunaan bahan-bahan rawatan 3.5 Teknik menasihati: • Yakin	3.1 Rekod riwayat pesakit 3.2 Baca ruqyah penyakit darah tinggi pada pesakit mengikut kaedah rawatan 3.3 Baca ruqyah penyakit darah tinggi pada bahan 3.4 Terang kaedah penggunaan bahan 3.5 Beri nasihat kepada pesakit dan keluarga	<u>SIKAP</u> • Teliti dalam menulis borang • Tenang dalam meruqyah • Yakin pada Allah • Fokus pada rawatan • Jelas dalam bacaan • Amanah dalam tugas. • Menjaga kerahsiaan pesakit • Empati dalam menasihati • Ringkas dan tepat dalam penerangan • Patuh pada etika perawatan <u>KESELAMATAN</u> • Tidak mencederakan pesakit <u>ALAM SEKITAR</u> • Elak pencemaran persekitaran	3.1 Riwayat pesakit darah tinggi direkodkan 3.1 Ruqyah penyakit darah tinggi pada pesakit mengikut kaedah rawatan dibacakan 3.2 Ruqyah penyakit darah tinggi pada bahan dibacakan 3.3 Kaedah penggunaan bahan diterangkan 3.4 Nasihat kepada pesakit dan keluarga diberikan	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/KESELAMATAN/ALAM SEKITAR	KRITERIA PENILAIAN	PEMERHATAN ANALISA KAEDAH
	- Tidak berputus asa - Tawakkal - Jaga pemakanan				
4. Ruqyah Penyakit Sakit Kepala	4.1 Kaedah merekod dan format rekod 4.2 Ayat-ayat ruqyah pada pesakit dan bahan: - Al-Fatihah - Selawat Syifa' - Surah al-Waqiah ayat 19 - Doa Penyejuk - Doa Rawatan Demam Panas 4.3 Kaedah bacaan ruqyah: - Menepati hukum tajwid - Letak tangan - Sapu dengan tapak tangan 4.4 Jenis dan penggunaan bahan-bahan rawatan 4.5 Teknik menasihati: - Yakin - Tidak berputus asa	4.1 Rekod riwayat pesakit 4.2 Baca ruqyah penyakit sakit kepala pada pesakit mengikut kaedah rawatan 4.3 Baca ruqyah penyakit sakit kepala pada bahan 4.4 Terang kaedah penggunaan bahan. 4.5 Beri nasihat kepada pesakit dan keluarganya	<u>SIKAP</u> - Teliti dalam menulis borang - Tenang dalam meruqyah - Yakin pada Allah - Fokus pada rawatan - Jelas dalam bacaan - Amanah dalam tugas - Menjaga kerahsiaan pesakit - Empati dalam menasihati - Ringkas dan tepat dalam penerangan - Patuh pada etika perawatan <u>KESELAMATAN</u> - Tidak mencederakan pesakit <u>ALAM SEKITAR</u> - Elak pencemaran persekitaran	4.1 Riwayat pesakit sakit kepala direkodkan 4.2 Ruqyah penyakit sakit kepala pada pesakit mengikut kaedah rawatan dibacakan 4.3 Ruqyah penyakit sakit kepala pada bahan dibacakan 4.4 Kaedah penggunaan bahan diterangkan 4.5 Nasihat kepada pesakit dan keluarga diberikan	- Bacaan Ruqyah - Letak tangan - Tepuk - Minum - Mandi

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/KESELAMATAN/ALAM SEKITAR	KRITERIA PENILAIAN	PEMERHATAN ANALISA KAEDAH
	- Tawakkal - Jaga pemakanan				
5. Ruqyah Penyakit Sendi	5.1 Kaedah merekod dan format rekod 5.2 Ayat-ayat ruqyah pada pesakit dan bahan: - Al-Fatihah - Selawat Syifa' - Ayat Pemecah Kebuntuan - Doa Pengecil Bengkak (Gout) 5.3 Kaedah bacaan ruqyah: - Menepati hukum tajwid - Letak tangan - Sapu dengan tapak tangan 5.4 Jenis dan penggunaan bahan-bahan rawatan 5.5 Teknik menasihati: - Yakin - Tidak berputus asa - Tawakkal - Jaga pemakanan	5.1 Rekod riwayat pesakit 5.2 Baca ruqyah penyakit sendi pada pesakit mengikut kaedah rawatan 5.3 Baca ruqyah penyakit sendi pada bahan 5.4 Terang kaedah penggunaan bahan 5.5 Beri nasihat kepada pesakit dan keluarganya	<u>SIKAP</u> - Teliti dalam menulis borang - Tenang dalam meruqyah - Yakin pada Allah - Fokus pada rawatan - Jelas dalam bacaan - Amanah dalam tugas - Menjaga kerahsiaan pesakit - Empati dalam menasihati - Ringkas dan tepat dalam penerangan - Patuh pada etika perawatan <u>KESELAMATAN</u> - Tidak mencederakan pesakit <u>ALAM SEKITAR</u> - Elak pencemaran persekitaran	5.1 Riwayat pesakit sendi direkodkan 5.2 Ruqyah penyakit sendi pada pesakit mengikut kaedah rawatan dibacakan 5.3 Ruqyah penyakit sendi pada bahan dibacakan 5.4 Kaedah penggunaan bahan diterangkan 5.5 Nasihat kepada pesakit dan keluarga diberikan	- Bacaan Ruqyah - Letak tangan - Tepuk - Minum - Mandi

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/KESELAMATAN/ALAM SEKITAR	KRITERIA PENILAIAN	PEMERHATAN ANALISA KAEDAH
6. Ruqyah Penyakit Sakit Perut	6.1 Kaedah merekod dan format rekod 6.2 Ayat-ayat ruqyah pada pesakit dan bahan: - Al-Fatihah - Selawat Syifa' - Selawat Tafrijiyyah - Doa Penghilang kesakitan - Doa Sakit Perut 6.3 Kaedah bacaan ruqyah: - Menepati hukum tajwid - Letak tangan - Sapu dengan tapak tangan 6.4 Jenis dan penggunaan bahan-bahan rawatan 6.5 Teknik menasihati: - Yakin - Tidak berputus asa - Tawakkal - Jaga pemakanan	6.1 Rekod riwayat pesakit 6.2 Baca ruqyah penyakit sakit perut pada pesakit mengikut kaedah rawatan 6.3 Baca ruqyah penyakit sakit perut pada bahan 6.4 Terang kaedah penggunaan bahan 6.5 Beri nasihat kepada pesakit dan keluarganya	<u>SIKAP</u> - Teliti dalam menulis borang - Tenang dalam meruqyah - Yakin pada Allah - Fokus pada rawatan - Jelas dalam bacaan - Amanah dalam tugas - Menjaga kerahsiaan pesakit - Empati dalam menasihati - Ringkas dan tepat dalam penerangan - Patuh pada etika perawatan <u>KESELAMATAN</u> - Tidak mencederakan pesakit <u>ALAM SEKITAR</u> - Elak pencemaran persekitaran	6.1 Riwayat pesakit sakit perut direkodkan 6.2 Ruqyah penyakit sakit perut pada pesakit mengikut kaedah rawatan dibacakan 6.3 Ruqyah penyakit sakit perut pada bahan dibacakan 6.4 Kaedah penggunaan bahan diterangkan 6.5 Nasihat kepada pesakit dan keluarga diberikan	- Bacaan Ruqyah - Letak tangan - Tepuk - Minum - Mandi

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/KESELAMATAN/ALAM SEKITAR	KRITERIA PENILAIAN	PEMERHATAN ANALISA KAEDAH
7. Ruqyah Penyakit Demam Panas	7.1 Kaedah merekod dan format rekod 7.2 Ayat-ayat ruqyah pada pesakit dan bahan: - Al-Fatihah - Ayat Pemecah Kebuntuan - Doa Rawatan Demam Panas - Doa Penyejuk 7.3 Kaedah bacaan ruqyah: - Memperhatikan hukum tajwid - Letak tangan - Sapu dengan tapak tangan 7.4 Jenis dan penggunaan bahan-bahan rawatan 7.5 Teknik menasihati: - Yakin - Tidak berputus asa - Tawakkal - Jaga pemakanan	7.1 Rekod riwayat pesakit 7.2 Baca ruqyah penyakit demam panas pada pesakit mengikut kaedah rawatan 7.3 Baca ruqyah penyakit demam panas pada bahan 7.4 Terang kaedah penggunaan bahan. 7.5 Beri nasihat kepada pesakit dan keluarganya	<u>SIKAP</u> - Teliti dalam menulis borang - Tenang dalam meruqyah - Yakin pada Allah - Fokus pada rawatan - Jelas dalam bacaan - Amanah dalam tugas. - Menjaga kerahsiaan pesakit - Empati dalam menasihati - Ringkas dan tepat dalam penerangan - Patuh pada etika perawatan <u>KESELAMATAN</u> - Tidak mencederakan pesakit <u>ALAM SEKITAR</u> - Elak pencemaran persekitaran	7.1 Riwayat pesakit demam panas direkodkan 7.2 Ruqyah penyakit demam panas pada pesakit mengikut kaedah rawatan dibacakan 7.3 Ruqyah penyakit demam panas pada bahan dibacakan 7.4 Kaedah penggunaan bahan diterangkan 7.5 Nasihat kepada pesakit dan keluarga diberikan	- Bacaan Ruqyah - Letak tangan - Tepuk - Minum - Mandi

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/KESELAMATAN/ALAM SEKITAR	KRITERIA PENILAIAN	PEMERHATAN ANALISA KAEDAH
8. Ruqyah Penyakit Mata	8.1 Kaedah merekod dan format rekod 8.2 Ayat-ayat ruqyah pada pesakit dan bahan: - Al-Fatihah - Selawat Syifa' - Selawat Tafrijiyyah 8.3 Doa penyakit-penyakit mata 8.4 Kaedah bacaan ruqyah: - Menepati hukum tajwid - Letak tangan 8.5 Jenis dan penggunaan bahan-bahan rawatan. 8.6 Teknik menasihati: - Yakin - Tidak berputus asa - Tawakkal - Jaga pemakanan	8.1 Rekod riwayat pesakit 8.2 Baca ruqyah penyakit mata pada pesakit mengikut kaedah rawatan 8.3 Baca ruqyah penyakit mata pada bahan 8.4 Terang kaedah penggunaan bahan 8.5 Beri nasihat kepada pesakit dan keluarganya	<u>SIKAP</u> - Teliti dalam menulis borang - Tenang dalam meruqyah - Yakin pada Allah - Fokus pada rawatan - Jelas dalam bacaan - Amanah dalam tugas - Menjaga kerahsiaan pesakit - Empati dalam menasihati - Ringkas dan tepat dalam penerangan - Patuh pada etika perawatan <u>KESELAMATAN</u> - Tidak mencederakan pesakit <u>ALAM SEKITAR</u> - Elak pencemaran persekitaran	8.1 Riwayat pesakit mata direkodkan 8.2 Ruqyah penyakit mata pada pesakit mengikut kaedah rawatan dibacakan 8.3 Ruqyah penyakit mata pada bahan dibacakan 8.4 Kaedah penggunaan bahan diterangkan 8.5 Nasihat kepada pesakit dan keluarga diberikan	- Bacaan Ruqyah - Letak tangan - Tepuk - Minum - Mandi

2.1 Kurikulum Unit Kompetensi (CoCU): Perawatan Penyakit Fizikal dan Spiritual Individu di Luar

Jadual: 2.1.1

Profil Unit Kompetensi Perawatan Penyakit Fizikal dan Spiritual Individu di Luar Mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)

Seksyen	(Q) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial
Kumpulan	(869) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain

Bidang	Perawatan Ruqyah		
Tajuk Skpk	Perawatan Ruqyah		
Tajuk Unit Kompetensi	Perawatan Penyakit Fizikal dan Spiritual Individu di Luar		
Hasil Pembelajaran	Hasil daripada CU ini akan melahirkan individu yang boleh meruqyah penyakit-penyakit fizikal dan spiritual di luar daripada premis rawatan berdaftar dengan kaedah dan prosedur yang tepat. Selepas menyempurnakan Unit Kompetensi ini pelatih akan boleh:- 1. Ruqyah Premis Baru 2. Ruqyah di Tapak Pecah Tanah 3. Ruqyah Harta Benda 4. Ruqyah Pesakit di Hospital 5. Ruqyah Pesakit Terlantar di Rumah 6. Ruqyah Pesakit Gangguan di Pejabat		
Pra-Syarat (Jika Ada)	TIADA		
Unit Kompetensi Id	Q869-004-3:2017-C02	TAHAP	3

Jadual: 2.1.2

Kurikulum Unit Kompetensi (CoCU): Perawatan Penyakit Fizikal dan Spiritual Individu di Luar

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/KESELAMATAN/ALAM SEKITAR	KRITERIA PENILAIAN	PEMERHATAN ANALISA KAEDAH
1. Ruqyah Premis Baru	1.1 Jenis jemputan 1.2 Kaedah merekod dan format rekod 1.3 Asas fiqh solat 1.4 Ruqyah/doa khas premis baru 1.5 Kaedah merenjis air dan merejam garam dan lada hitam 1.6 Kaedah penerangan: • Diulang 3 hari berturut-turut • Waktu sesuai merenjis	1.1 Terima jemputan daripada pemilik premis baru 1.2 Tetap tarikh temujanji ruqyah premis baru 1.3 Kenal pasti lokasi dan senarai perawat premis baru 1.4 Rekod borang maklumat rawatan luar 1.5 Laksana solat fardhu dan solat hajat berjemaah, bacaan surah	<u>SIKAP</u> • Berhemah dalam komunikasi • Teliti dalam menulis borang • Tenang dalam meruqyah • Yakin pada Allah • Fokus pada rawatan • Jelas dalam bacaan • Amanah dalam tugas • Patuh pada etika perawatan • Ringkas dan tepat dalam penerangan <u>KESELAMATAN</u> • Menjaga kerahsiaan premis dan pemilik premis • Berhati-hati dengan kemungkinan renjatan elektrik • Waspada kemungkinan	1.1 Jemputan daripada pemilik premis baru diterima 1.2 Tarikh temujanji dengan pemilik premis baru ditetapkan 1.3 Lokasi premis dan senarai perawat dikenal pasti 1.4 Borang maklumat rawatan luar direkodkan 1.5 Solat fardhu dan solat hajat berjemaah, bacaan surah Yasin, zikir dilaksanakan 1.6 Ruqyah pada premis baru dan tempat bermasalah mengikut kaedah	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/KESELAMATAN/ALAM SEKITAR	KRITERIA PENILAIAN	PEMERHATAN ANALISA KAEDAH
		Yasin dan zikir 1.6 Baca ruqyah pada premis baru dan tempat bermasalah mengikut kaedah rawatan 1.7 Baca ruqyah pada bahan 1.8 Beri taklimat kepada pemilik premis	terjatuh, licin atau tersadung <u>ALAM SEKITAR</u> • Elak pencemaran persekitaran	rawatan dibacakan 1.7 Ruqyah pada bahan dibacakan 1.8 Taklimat kepada pemilik premis diberikan	
